


JEMAAH dari seluruh dunia berdoa di Jabal Rahmah di Padang Arafah. FOTO Reuters



HARIAN METRO 28/6/2023 M/S.28

Kos minimum untuk haji kini RM32,332

Makkah: Jemaah haji Palestina, Abu Anas Abu Rahim berharap dapat mencari penginapan selama seminggu lebih murah di Tanah Suci.

Ia berikutan kos minimum ibadah itu yang meningkat kepada 26,000 ringgit (RM32,332) tahun ini.

Lelaki berusia 65 tahun itu berdepan kesulitan membayar bil penginapan walaupun memilih pakej paling murah merangkumi perjalanan ke Arab Saudi melalui darat, selain berkongsi bilik hotel dengan jemaah haji lain.

"Saya meminta pilihan keempat, dengan hotel lebih jauh yang mungkin separuh lebih murah.

"Bagaimanapun, ia berbaloi demi menjelaskan kaki di Tanah Suci dan Kaabah...tetapi keadaan ekonomi benar-benar sukar," kata Abu Anas sambil menambah jemaah haji tahun lalu membayar harga yang sama untuk pakej termasuk penerbangan.

Abu Anas adalah salah seorang daripada lebih dua juta jemaah haji yang terpilih mengikuti musim haji 2023. - Agensi

neem Gamal berkata, dia terharu sebaik tiba di'Arafah yang menjadi tempat berwukuf.

"Saya tidak dapat menggambarkan perasaan saya, saya hidup dengan kegemiraan," kata wanita berusia 35 tahun itu.

Tasneem mengerjakan haji tanpa mahram lelaki, satu syarat yang dikuatkuasakan pihak berkuasa Arab Saudi sehingga 2021.

Tahun ini, had umur maksimum juga dihapuskan bagi memberi peluang kepada ribuan warga emas untuk ke Tanah Suci.

Cabarannya besar jemaah haji adalah kerana perlu menghabiskan masa berjam-jam untuk berdoa dan membaca al-Quran di Arafah dan di kawasan sekitarnya, ketika

suhu tinggi.

Difahamkan, ribuan kakitangan kesihatan bersiap sedia dengan kemungkinan berlakunya kes strok haba dan keletihan.

Risiko haba akan menjadi paling tinggi dari tengah hari hingga 3 petang.

Selepas matahari terbenam, jemaah haji akan menempuh jarak yang singkat ke Muzdalifah, pertengahan antara Arafah dan Mina, untuk tidur di tempat terbaik.

Hari berikutnya, mereka mengutip batu untuk melontar tujuh batu di tiga jamrah yang melambangkan lontaran batu ke arah syaitan.

Perhentian terakhir adalah kembali ke Masjidilharam, di mana mereka akan melakukan tawaf terakhir di Kaabah. - Agensi